

## **Naib Canselor UMP terima Anugerah Kepimpinan Pendidikan**



Singapura, 12 Ogos – Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima Anugerah Kepimpinan Pendidikan dalam Majlis Penganugerahan Kecemerlangan Pendidikan Asia Ke-6 yang berlangsung baru-baru ini di Pan Pacific, Marina Square, Singapura.

Majlis anjuran World Education Congress, CMO Asia dan Majlis CMO sebagai rakan kongsi strategic manakala Stars of the Industry Group sebagai rakan kongsi penyelidikan itu mengiktiraf institusi dan individu yang melepasi beberapa tahap

kecemerlangan dan menjadi contoh sebagai 'role model' dan kepimpinan teladan.

Selain itu, anugerah tersebut mengiktiraf individu yang membina institusi mereka melalui kepimpinan, inovasi, antara muka akademik industri serta objektif utama melahirkan pemimpin masa depan. Anugerah CMO Asia ini merupakan satu anugerah berprestij yang memberi penghargaan dan diperakui oleh Kongres Pendidikan Dunia.



Terdapat lebih 41 buah negara yang terlibat dalam CMO Asia ini termasuklah Malaysia. Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ini merupakan salah satu daripada kategori anugerah peringkat Asia, selain 50 kategori lain seperti Anugerah Kecemerlangan dalam sektor Perbankan Islam, Perkhidmatan Halal, Pemasaran, Perhotelan, Perkhidmatan Kesihatan, Galian, Fesyen dan sebagainya.

Pemilihan Naib Canselor ini adalah berdasarkan sumbangan beliau dalam industri pendidikan serta kepimpinan selama ini di peringkat nasional dan antarabangsa. Ianya juga merupakan satu pengiktirafan kepada UMP dalam melonjakkan imej UMP sebagai sebuah Universiti Awam (UA) tersohor di persada dunia sesuai dengan visi UMP untuk menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.



Profesor Dato' Dr. Daing Nasir sebelum ini pernah menerima anugerah AGBA Life-Time Achievement Award sempena The 7th Academy for Global Business Advancement (AGBA) World Congress anjuran Academy for Global Business Advancement (AGBA), USA dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2010.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 07-09-2015, 14:23:12